



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1987

KUASA MENAMATKAN PERKHIDMATAN PEGAWAI-PEGAWAI
SEMENTARA, KONTRAK, SANGKUT, SANDARAN DAN SAMBILAN

1. Tujuan

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan keputusan Kerajaan memberikan kuasa untuk menamatkan perkhidmatan pegawai-pegawai sementara, kontrak, sangkut, sandaran dan sambilan kepada pegawai-pegawai seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Lampiran "A" kepada Pekeliling ini.

2. Latar Belakang

2.1 Perintah Am 60 Bab "A" 1973, memperuntukkan bahawa perkhidmatan seseorang pegawai sementara boleh ditamatkan oleh Kerajaan dengan memberi notis kepada pegawai itu berdasarkan kepada syarat-syarat perlantikannya. Kecuali jika syarat-syarat perlantikannya mempunyai peruntukan yang berlainan Perintah Am 60 Bab "A" 1973 menghendaki supaya notis penamatan dalam tempoh 3 bulan diberi kepada pegawai sementara yang telah berkhidmat melebihi satu tahun dan satu bulan notis bagi perkhidmatan yang kurang daripada setahun. Perintah Am 60 Bab "A" 1973 juga memperuntukkan bahawa tanpa mengambilkira tempoh perkhidmatan seseorang pegawai sementara itu, Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan mereka dengan membayar sebulan gaji sebagai ganti notis.

2.2 Memandangkan penamatan perkhidmatan seseorang pegawai sementara adalah hak yang boleh dijalankan oleh Kerajaan di bawah syarat-syarat lantikan dan mengikut Perintah Am 60 Bab "A" 1973, maka penamatan tersebut bukanlah merupakan hukuman disiplin disebabkan oleh apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang itu. Dengan yang demikian, di dalam menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai sementara, tiada sebab-sebab penamatan perlu diberikan.

3. Takrif

3.1 Bagi maksud Pekeliling ini, "Pegawai Sementara" yang termasuk pegawai kontrak, sangkut, sandaran dan sambilan bererti:

3.1.1 seseorang pegawai yang secara ternyata dilantik sebagai pegawai sementara bagi suatu tempoh yang tidak ditentukan untuk berkhidmat atas dasar dari bulan ke sebulan dengan syarat penamatan perkhidmatannya yang menghendaki pemberian notis penamatan atau pembayaran gaji sebagai ganti notis;

3.1.2 seseorang pegawai yang dilantik sebagai pegawai sementara untuk berkhidmat bagi suatu tempoh yang tetap dengan syarat perkhidmatannya boleh ditamatkan dengan memberikan notis penamatan kepadanya ataupun dibayar gaji sebagai ganti notis;

3.1.3 seseorang pegawai yang dilantik sebagai pegawai kontrak bagi suatu tempoh yang ditetapkan dengan syarat di dalam kontraknya bahawa perkhidmatannya boleh ditamatkan setelah diberi notis penamatan atau membayar gaji sebagai ganti notis mengikut syarat-syarat kontrak tersebut;

3.1.4 seseorang pegawai yang secara ternyata dilantik sebagai pegawai sementara bagi suatu tempoh yang ditetapkan atau bagi suatu tempoh yang tidak ditetapkan di mana syarat lantikannya tidak memperuntukkan tentang pemberian notis penamatan dan dengan yang demikian pemakaian Perintah Am 60 Bab "A" 1973 dikenakan bagi tujuan penamatan perkhidmatannya.

4. Pegawai-pegawai yang Diberi Kuasa dan Kategori Pegawai yang Boleh Ditamatkan

4.1 Bagi melaksanakan dengan berkesan kuasa Kerajaan yang mempunyai hak untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai sementara itu maka pegawai-pegawai yang ditentukan di ruangan pertama dalam Jadual di Lampiran "A" kepada Pekeliling ini adalah dengan ini diberi kuasa oleh Kerajaan untuk menamatkan perkhidmatan pegawai-pegawai sementara, kontrak, sangkut, sandaran dan sambilan.


5. Pamakaian

5.1 Pekeliling ini tidak boleh dipakai bagi penamatan perkhidmatan pegawai tetap yang di dalam tempoh percubaan.

5.2 Pemakaian Pekeliling ini adalah dihadkan kepada perlantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis dan perlantikan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan sahaja.

6. Tarikh Kuatkuasa dan Pembatalan

6.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 24hb September, 1986 dan dengan ini Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/87 bertarikh 9hb Februari, 1987 adalah dibatalkan.



(Tan Sri Dato' Alwi Jantan),
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia

Tarikh: 7hb Ogos, 1987.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan.

JADUAL

<i>Ruangan Pertama</i>	<i>Ruangan Kedua</i>
(i) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam	(a) Pegawai-pegawai Sementara dan Kontrak Kumpulan "A" yang dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui penurunan kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di mana Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menjadi Ketua Perkhidmatan.
(ii) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam	(a) Pegawai-pegawai Sangkut dan Sambilan Kumpulan "A" di mana Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menjadi Ketua Perkhidmatan. (b) Pegawai-pegawai Sementara, Kontrak, Sangkut dan Sambilan Kumpulan "B" di mana Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menjadi Ketua Perkhidmatan.
(iii) Pengarah Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam	(a) Pegawai-pegawai Sementara, Kontrak, Sangkut dan Sambilan Kumpulan "C" dan "D" di mana Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menjadi Ketua Perkhidmatan.
(iv) Ketua Setiausaha Kementerian (Di Jabatan Perdana Menteri kuasa diberi kepada Timbalan Ketua Setiausaha)	(a) Pegawai-pegawai Sementara dan Kontrak Kumpulan "A" di Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya.
(v) Timbalan Ketua Setiausaha (Di Jabatan Perdana Menteri kuasa diberi kepada Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)	(a) Pegawai-pegawai Sementara dan Kontrak Kumpulan "B", "C" dan "D" di Kementerian dan Jabatan di bawahnya.
(vi) Akauntan Negara	(a) Pegawai-pegawai Sementara, Kontrak, Sangkut dan Sambilan semua Kumpulan bagi perkhidmatan di mana Akauntan Negara adalah Ketua Perkhidmatan.
(vii) Peguam Negara	(a) Pegawai Undang-undang Sementara dan Kontrak yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.
(viii) Ketua Pengarah Pelajaran	(a) Guru-guru Sementara dan Kontrak semua Kumpulan yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Ruangan Pertama

(ix) Ketua Jabatan

Ruangan Kedua

(a) Pegawai-pegawai Sangkut dan Sambilan atau Sandaran semua kumpulan yang dilantik oleh Kementerian atau Jabatan.